

03 NOV 2001

AMANAH CAPITAL-KADAR

AMANAH CAPITAL: FAKTOR GLOBAL AKAN PENGARUHI KADAR FAEDAH TEMPATAN

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Amanah Capital Group berkata kadar faedah tempatan adalah stabil pada Oktober dengan tanda aras KLIBOR tiga bulan bertahan pada 3.29 peratus sepanjang bulan itu.

Katanya di dalam kajian bulanannya bahawa bukan sahaja KLIBOR tiga bulan membeku, KLIBOR satu bulan dan tiga bulan terus tersekat pada parasnya masing-masing.

KLIBOR jangka panjang lain berubah sebanyak satu mata asas dalam bulan Oktober.

Amanah Capital berkata kadar faedah akan terus dipengaruhi sebahagian besarnya oleh tinjauan masa depan ekonomi dunia.

Ramalan bagi KLIBOR tiga bulan adalah sekitar 3.30 peratus bagi baki tahun 2001 dan bagi 2002.

"Hanya terdapat peluang yang kecil bahawa Bank Negara Malaysia akan melonggarkan sedikit kadar sejajar dengan kadar faedah yang rendah yang wujud di seluruh dunia. Dalam jangka sederhana, tidak terdapat kemungkinan sebarang pergerakan dalam KLIBOR tiga bulan daripada paras sekarang," katanya.

Sepanjang 2001, Amanah Capital berkata dasar kewangan di seluruh dunia amnya, dan khususnya di AS, adalah dilonggarkan dengan ketaranya, dengan kelonggaran yang sama dalam kadar faedah.

Cuma apabila diramalkan bahawa Rizab Persekutuan AS akan memperlahankan atau menamatkan kadar faedahnya, serangan pengganas 11 September ke atas AS telah berlaku.

Kejutan ekonomi yang dicetuskan oleh perkembangan-perkembangan tersebut memerlukan Rizab Persekutuan meneruskan potongan kadar faedah yang cergas untuk meningkatkan keyakinan pengguna, kata Amanah Capital .

Ia berkata kelembapan global telah menjejaskan ekonomi Malaysia dengan ketaranya dan ini mendorong kerajaan memperkenalkan beberapa langkah dalam Belanjawan 2002 untuk menghapuskan keadaan itu.

Amanah Capital berkata belanjawan itu juga memberikan bayangan yang tidak ketara mengenai pemikiran kerajaan mengenai kadar faedah.

"Nampaknya dasar rasmi mencuba mengimbangkan kepentingan individu yang bergantung besar kepada pendapatan faedah melalui cadangan terbitan RM1 bilion oleh BNM Bon Simpanan Malaysia yang menghasilkan pulangan 5.0 peratus."

Sementara itu, katanya lebih mudah tunai yang agak besar terkumpul di dalam sistem perbankan dijangka dikekalkan sepanjang 2002.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini berkata kira-kira RM80 bilion tidak dipinjamkan di dalam sistem perbankan.

"Kami mempertahankan rationale bahawa BNM akan terus mengekalkan kadar rendah tanpa perlu mengambil tindakan mengurangkan kadar simpanan. Ini sedang berlaku walaupun tekanan meningkat ketika kadar faedah AS dan rakan-rakan dagangan lain dikurangkan kepada di bawah bersamaan kadar domestik."

Pada masa yang sama, Amanah Capital juga berkata pihak berkuasa sedang mengawal ketat kemungkinan ancaman inflasi. -- BERNAMA

SHY SHY OS